

Jabatan Perkhidmatan
Awam,
Malaysia,
Rumah Persekutuan,
Jalan Sultan Hishamuddin,
Kuala Lumpur.

6hb. Ogos, 1971.

Tuan,

SURAT PEKELILING PEKHIDMATAN BIL. 12 TAHUN 1971

Sewa Rumah Di-bawah Syarat2 Perkhidmatan Baharu

(Suffian)

Ada-lah di-ma'alomkan bahawa peratoran mengenai bayaran sewa rumah pada masa ini ia-lah pegawai Kerajaan yang menduduki rumah Kerajaan hendak-lah membayar 10% daripada gaji berseh mereka atau 10 kali ganda sewa namaan dengan syarat sewa yang rendah sekali ia-lah \$10/- sa-bulan. Peratoran ini ada-lah di-terangkan di-dalam [Pekeliling Perkhidmatan 7/70](#). Peratoran yang sama ada terkandung di-dalam [Pekeliling Perkhidmatan 6/70](#), dan Pekeliling Perkhidmatan 6/69 menyatakan bahawa sewa rumah yang ekonomik, sebagaimana di-perakukan oleh Surohanjaya akan di-kenakan. Kedua2 Pekeliling itu menyatakan juga bahawa sewa baharu bagi rumah Kerajaan akan ha-nya berkuatkuasa apabila Ranchangan Bantuan Perumahan di-laksanakan. Ranchangan Perumahan yang berkenaan itu telah pun di-laksanakan dan berkuatkuasa mulai dari tarikh keluar-nya [Pekeliling](#)

[Perkhidmatan 7/70](#). Walau bagaimana pun peratoran di-atas itu tidak-lah di-gunakan bagi pegawai2 yang di-perakukan oleh Surohanjaya Suffian berhak mendapat rumah perchuma, mithalnya anggota2 rendah polis dan penjara.

[2. Jabatan Perkhidmatan Awam telah menerima banyak pertanyaan mengenai pembayaran yang harus di-buat oleh mereka yang mendudoki mes atau asrama. Ada-lah di-putuskan bahawa sebuah bilek di-asrama atau mes di-kira sebagai satu unit tempat kediaman. Dengan demikian pegawai2 yang tinggal di unit tersebut, umpamanya jururawat2 dan inspektor2 polis, akan di-kenakan kadar bayaran seperti kadar yang tersebut di-perenggan 1 di-atas. Walau bagaimana pun apabila pegawai2 berkongsi suatu unit di mes atau asrama mereka di-kehendaki membayar sewa unit itu bergantung kepada berapa orang-kah yang berkongsi bilek dengan-nya. Umpama-nya satu bilek di-asrama di-kongsi oleh 2 orang penghuni, tiap-tiap penghuni akan membayar hanya 5% daripada gaji berseh-nya atau 5 kali sewa namaan terta'alok bayaran yang paling rendah ia-lah \$5/- sa-bulan. Jika bilek itu di-kongsi oleh 3 orang, sa-orang di-kehendaki membayar 3 1/3% daripada gaji berseh-nya masing2 atau 3 1/3 kali ganda sewa namaan dengan syarat bayaran yang paling rendah ia-lah \$3.30 sa-bulan.]¹

1. Peraturan di dalam perenggan ini digantung buat sementara waktu menurut [SPP. Bil. 13/71](#), bertarikh 29.9.1971

3. Peratoran di-atas itu juga akan di-pakai untuk penghuni2 yang berkongsi mendudoki rumah atau "chalet" yang selalu-nya di-dudoki oleh pegawai2 bujang. Dalam hal ini rumah atau "chalet" di-kira sebagai satu unit.

Saya yang menurut perintah,

(MOHD. ZAKI BIN MOHAMED)

Bahagian Gaji,

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan

Awam,

Malaysia.

Ketua Setia Usaha2/Setia Usaha2 Kementerian.

Ketua2 Jabatan Persekutuan.

s.k. Yang Berhormat, Setia Usaha2 Kerajaan Negeri, Malaysia.